

**PM Saran Ibu Bapa Bermasalah Jaga Anak OKU Daftar Anak Dengan JKM
Bernama
July 1, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru ibu bapa atau penjaga yang mengalami masalah untuk menjaga anak-anak orang kurang upaya (OKU) agar mendaftarkan anak terbabit dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Insyallah, kebajikan serta keselamatan mereka akan terpelihara," katanya dalam catatan terkini laman Facebook beliau pada Selasa.

Najib berkata sejak dahulu kerajaan melalui JKM telah menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada ibu bapa agar kebajikan dan keselamatan anak-anak OKU terpelihara.

"Kisah menyayat hati dua OKU di Negeri Sembilan dan Kelantan minggu lepas telah menyentuh hati seluruh negara," katanya.

Dalam catatannya Najib turut menyertakan pautan <http://bit.ly/1nYhhCr> mengenai laporan bertajuk 'Daftar Anak OKU Di JKM Buka Pintu Pelbagai Bantuan' yang ditulis wartawan Bernama, Nurrul Huda Ahmad Lutfi.

Laporan itu antara lain mengatakan bahawa langkah mendaftarkan anak OKU dengan JKM akan membuka pintu kepada pelbagai peluang bantuan dan sokongan bagi ibu bapa dan penjaga dalam menguruskan anak istimewa mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1050650>